



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN " *SAY NO TO PLASTIC STRAW*" & ANUGERAH " *COMMUNITY GREEN WARRIOR*"

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**26 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)**  
**9.30 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA MBSP**  
**BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Yang Diraikan Wira-Wira Hijau**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,  
Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran “*Say No To Plastic Straw*” & Anugerah “*Community Green Warrior*”.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, wira-wira hijau dan para hadirin sekalian yang mewakili pelbagai komuniti di Seberang Perai yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi yang berbahagia ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang

bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

MBSP akan terus komited dan beriltizam untuk muncul sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022 dan turut menetapkan sasaran untuk menjadikan Bandaraya Seberang Perai sebagai bandar karbon neutral menjelang 2030. Untuk mencapai aspirasi ini, MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Malaysia berada di tangga kelapan sebagai negara pengeluar sisa buangan plastik terbesar di dunia. Kajian itu juga menganggarkan bahawa

bagi tahun 2010, Malaysia menghasilkan 0.94 juta tan sisa plastik terbang dan lebih kurang 40 peratus daripadanya terbang ke lautan. Daripada keseluruhan sisa pepejal yang dihasilkan di Malaysia, 13 peratus daripadanya ialah sisa plastik. Jenis plastik yang paling tinggi penggunaannya ialah botol dan beg plastik.

MBSP bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan pencemaran plastik. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah:-

- I. ***Hari Tanpa Beg Plastik*** pada setiap hari Isnin yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 6 Julai 2009. Ini dilanjutkan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari 2010.
  
- II. **Sisa Sifar (*Zero Waste*)** yang dilancarkan pada 1 Januari 2011.
  
- III. Mempromosikan larangan penggunaan kotak dan pinggan mangkuk polistrena dalam semua majlis rasmi negeri pada tahun 2009.
  
- IV. **Dasar Pengasingan Sisa di Punca** yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dengan tumpuan diberikan kepada program-program pendidikan

dan kesedaran kepada penduduk Seberang Perai. Pada 1 Jun 2017, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan dengan penguatkuasaan di kawasan harta bersama atau strata dan diikuti di kawasan komersial mulai 1 Januari 2018.

- V. MBSP memperkenalkan **Smart Consumption Model 8R** pada 14 Januari 2018 iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*.
- VI. MBSP memperkenalkan dan melaksanakan **Program Recycle for Life** (RFL) yang merupakan satu program kitar semula menggunakan sistem tanpa tunai di bawah perhatian Bank Negara Malaysia melalui kad pintar RFL.
- VII. **Kempen Tiada Beg Plastik** pada Hari Isnin telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2019 di 541 premis perniagaan (pasaraya, restoran makanan segera, kedai serbaneka, farmasi dan lain-lain premis) di seluruh Seberang Perai secara sukarela (voluntary basis).
- VIII. **“Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna”** (*No To Single-Use Plastic*) mulai 1 Januari 2019 secara berfasa yang akan dimulakan dengan polisi *No to Plastic Straw*. Tujuan pelaksanaan Program

“Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” adalah untuk mengurangkan impak pencemaran dan masalah buangan sampah yang disebabkan oleh penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik dan straw minuman.

Mulai 1 April 2019, kempen tiada straw plastik diadakan di semua premis makanan termasuk kantin sekolah di mana pengusaha tidak boleh memberikan straw plastik kepada pelanggan. Tahun ini lebih ditumpukan dalam mendidik orang ramai agar tidak menggunakan straw plastik dan plastik sekali guna dan penguatkuasaan larangan penggunaan straw plastik akan dimulakan tahun hadapan.

MBSP telah mengeluarkan notis makluman tentang dasar ini kepada pemilik-pemilik perniagaan yang berada dalam kategori yang ditetapkan untuk tidak memberikan straw plastik. Straw plastik hanya diberikan apabila diminta sahaja oleh pembeli atau pelanggan. Pemilik perniagaan juga perlu memastikan straw plastik tidak diletakkan di tempat yg mudah didapati dan diperolehi oleh pembeli atau pelanggan seperti di kaunter atau tempat-tempat khas di dalam premis perniagaan. Untuk di pasar awam dan kompleks makanan milik MBSP, penggunaan straw plastik adalah dilarang. Ini sebagai langkah untuk menjadikan pasar awam dan kompleks MBSP menunjukkan contoh yang perlu diikuti oleh pemilik perniagaan lain

Marilah kita mengubah *mind set* serta mendidik diri kita untuk tidak mencemari alam sekitar terutamanya laut. Warga Seberang Perai dipohon tidak menggunakan penyedut minuman plastik (*plastic straw*). Sebagai alternatif kepada penggunaan straw plastik, orang ramai digalakkan menggunakan straw (penyedut) kertas, penyedut besi, penyedut kaca, penyedut buluh, penyedut tembaga atau penyedut silikon. Kebaikan penggunaan penyedut-penyedut ini ialah kesemua penyedut (kecuali penyedut kertas) boleh dipakai semula selepas digunakan.

Dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang yang secara tidak langsung merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.



## Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Hari ini juga kita akan meraikan Wira-Wira Hijau di kalangan komuniti-komuniti di Seberang Perai. Wira Hijau dipilih berdasarkan usaha-usaha individu-individu tertentu di kalangan komuniti yang melaksanakan penjagaan alam sekitar dan mempromosi pendidikan alam sekitar di kalangan komuniti sendiri sejak tiga (3) tahun yang lalu. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh wira-wira hijau ini adalah mempromosikan pengasingan sisa di punca di kalangan komuniti masing-masing, mewujudkan pusat kitar semula pengkomposan dan memberi sumbangan dalam penganjuran program sisa sifar.

Seramai 22 individu telah dipilih untuk menerima Anugerah “*Community Green Warrior*” atau Wira Hijau. Anugerah ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada individu yang memberikan komitmen dalam usaha-usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bersama-sama MBSP dalam menjadikan Seberang Perai Aspirasi Masa Hadapan. Syabas dan Tahniah saya ucapkan dan teruskan usaha anda dengan gigih dan cekat. MBSP amat menghargai usaha-usaha tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. PUAN LOH POH CHEN (TAMAN PANDAN)  
TAMAN PANDAN
2. ENCIK ABD RAHMAN BIN SAAD (PERMATANG NIBONG)  
PERMATANG NIBONG
3. PUAN FAUZIAH BT HASSAN (PERMATANG NIBONG)  
PERMATANG NIBONG
4. PUAN SURIYA BT ABU BAKAR (PERMATANG NIBONG)  
PERMATANG NIBONG
5. PUAN KIM TAN  
CONTINENTAL AUTOMOTIVE COMPONENTS MALAYSIA SDN BHD
6. PUAN ZALINAH YUSOF  
CONTINENTAL AUTOMOTIVE COMPONENTS MALAYSIA SDN BHD
7. ENCIK VINCENT TAN YEONG MING (JCI BATU KAWAN)  
JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL UNITED PENANG
8. CIK ANG HUI FONG (JCI BATU KAWAN)  
JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL UNITED PENANG
9. PROF MADYA DR CHE ZALINA ZULKIFLI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTA IDRIS,
10. PROF DR MOHD FAUZI SEDON @ M. DOM  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTA IDRIS,
11. ENCIK LIM CHEE KEONG (TAMAN BAGAN LALANG)  
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR TAMAN BAGAN LALANG,
12. ENCIK TAN CHOR SOON (KEPALA GAJAH)  
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR TAMAN PUTERI GUNUNG,
13. ENCIK GARY TEOH KIANG HONG  
AUTO-CITY,
14. PUAN BILLY ONG BEE LEE  
AUTO-CITY,
15. ENCIK OOI CHAO SYHUAN  
ELIGAN BASE
16. ENCIK SHEN SET HO (SHENCE INTERNATIONAL)  
PUSAT KOMPOS PASAR AWAM BAGAN AJAM,
17. DATO LEE TEONG LI  
AMPHENOL TCS

18. ENCIK AU CHEE MENG  
AMPHENOL TCS
19. PUAN SEOW BOON CHYE  
AMPHENOL TCS
20. ENCIK LIM KOK HENG  
SOUTH ISLAND GARMENT SDN.BHD
21. ENCIK VIJAY SUBRAYAN (FLEX PENANG)  
FLEX PENANG
22. PUAN LIM MEI CHIN,  
JALAN MOHD SAAD,

Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

Dengan ini, saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**